

SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/02_70 (HQ)

TNB JAMIN BEKALAN ELEKTRIK VOLTAN TINGGI LRT LALUAN SHAH ALAM SEJAJAR KOMITMEN ESG

- Kerjasama dalam penyediaan bekalan elektrik bervoltan tinggi kepada tiga (3) Stesen Suis Utama di sepanjang Projek LRT Laluan Shah Alam

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menjalin kerjasama strategik dengan **Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana)** bagi membekalkan bekalan elektrik bervoltan tinggi kepada tiga (3) Stesen Suis Utama di sepanjang Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Shah Alam yang dahulunya dikenali sebagai LRT3.

Kerjasama tersebut akan bermula pada penghujung tahun 2022. LRT Laluan Shah Alam dijangka beroperasi serta dibuka kepada orang ramai menjelang tahun 2025.

Majlis Penyerahan Perjanjian Pembekalan Elektrik (*Electricity Supply Agreement, ESA*) diadakan bulan lalu dengan Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan menyerahkan perjanjian tersebut kepada Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Strategi & Pembangunan) Prasarana, Dr. Prodyut Dutt. Ianya disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Baharin berkata, "Sebagai rakan kongsi dalam pembekalan tenaga elektrik, TNB bersedia memberi kerjasama kepada Prasarana dalam membangunkan lagi industri pengangkutan di Malaysia, terutamanya dalam menyediakan bekalan elektrik yang berdaya harap serta stabil kepada bekalan rel sepanjang LRT Laluan Shah Alam.

"TNB telah beriltizam untuk menyegerakan Peralihan Tenaga yang merangkumi usaha meningkatkan nilai perusahaan portfolio penjanaan, memperluas fokus pasaran untuk mengembangkan portfolio Tenaga Boleh Baharu (TBB), pelaburan untuk Grid Masa Depan dan pembangunan ekosistem Kenderaan Elektrik (EV)."

Husaini menambah, "TNB telah memulakan kerja asas projek ini di ketiga-tiga tapak kerja stesen-stesen suis utama dengan bekalan elektrik bervoltan tinggi 132kV. Bersama-sama dengan Prasarana yang menerajui transformasi sistem dan perkhidmatan pengangkutan awam Malaysia, kami berpotensi mempercepatkan agenda kelestarian negara dan memenuhi komitmen Environmental, Social and Governance (ESG) sambil memastikan pertumbuhan perniagaan yang mampan."

S.A. 2022/10/02_70 (HQ)

Mohd Azharuddin berkata hubungan rapat yang telah dikecapi ini serta kepakaran dan kemampuan pihak TNB dalam menyalurkan bekalan elektrik yang berdaya harap adalah amat kritikal dalam memastikan Prasarana mampu melaksanakan mandat pengangkutan awam organisasi tersebut.

“Projek LRT Laluan Shah Alam merupakan sebahagian daripada Pelan Bersepadu Pengangkutan Awam untuk *Greater Klang Valley* dan Prasarana diberi mandat untuk memberi kemudahan dan mengetengah serta menerapkan sistem pengangkutan awam darat yang terancang, selamat, responsif, efisien dan mampan,” tambah Mohd Azharuddin.

Jajaran LRT Laluan Shah Alam yang menjangkau 37.8 kilometer menyasarkan jaringan perhubungan untuk 2 juta penduduk di Koridor Barat Lembah Klang, iaitu dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang melalui tiga kawasan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang.

Sejumlah 20 buah stesen termasuk dua (2) stesen integrasi MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang di Bandar Utama serta stesen integrasi LRT Kelana Jaya di Stesen Glenmarie 2 merangkumi jajaran ini. Selain itu, projek ini berjaya mewujudkan peluang pekerjaan secara sepenuh masa kepada lebih 5,900 orang pekerja.

“Projek LRT Laluan Shah Alam ini jelas adalah sebuah projek yang amat bermakna dan ianya tidak mungkin mampu menjadi kenyataan tanpa kerjasama dan sokongan penuh yang telah diberikan oleh pihak TNB,” jelas Mohd Azharuddin.

Sejak 1996, TNB telah menyediakan bekalan elektrik bervoltan tinggi kepada Prasarana untuk LRT 1 (Laluan Ampang & Sri Petaling) sepanjang 45 km dengan bekalan 29.32MW, LRT2 atau Laluan Kelana Jaya (46.4 km, 58.35MW) sejak 1997, dan Monorel (8.6 km, 7.16MW) sejak 2001.

Sejak 2016 pula, TNB menyediakan bekalan elektrik kepada MRT1 atau Laluan Kajang sepanjang 51 km untuk bekalan elektrik 80.6MW, manakala MRT2 atau Laluan Putrajaya (57.7 km, 36.81MW) sejak 2019. TNB akan menyediakan bekalan kepada LRT Laluan Shah Alam dari Bandar Utama – Johan Setia (37 km, 52.06MW) menjelang tahun ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Oktober 2022, 10:00 am

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi

TNB

*Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*

Prasarana

*pegawai komunikasi Prasarana Adli Abdul Karim
(adli.karim@prasarana.com.my / 6014 330 3464)*



Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (paling kiri) dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan (Strategi & Pembangunan) Prasarana, Dr. Prodyut Dutt (paling kanan) semasa majlis penyerahan dokumen Perjanjian Pembekalan Elektrik (ESA) dan disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din, (dua, kiri) serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah (dua, kanan).

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.4 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Mengenai Prasarana Malaysia Berhad

Prasarana Malaysia Berhad adalah pengendali dan pemilik aset perkhidmatan rel dan bas merangkumi dua rangkaian LRT, perkhidmatan Monorel dan perkhidmatan bas henti-henti Rapid Penang, Rapid Kuantan dan Rapid KL, yang termasuk Transit Bas Rapid mesra alam - Laluan Sunway (BRT), selain menjadi pengendali perkhidmatan MRT. Di sebalik usaha mentransformasi perkhidmatan pengangkutan awam negara melalui Rapid Rail Sdn Bhd dan Rapid Bus Sdn Bhd, Prasarana juga menubuhkan Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE) untuk melaksanakan projek pembangunan komersial dan berorientasikan transit bagi mengukuhkan lagi prestasi syarikat selain menjana pendapatan bukan tambang. Ia berpegang kepada misi untuk memacu transformasi perkhidmatan pengangkutan awam Malaysia selaras dengan visinya bagi menyediakan perkhidmatan transit lestari dan menjadi pemangkin ekosistem mobiliti termasuk membangunkan gaya baru dalam kehidupan warga kota bertunjangkan kepada pembangunan berorientasikan transit.